



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**BIL. 4/2026**

**PROSES MENGUNDI AWAL BAGI PILIHAN RAYA KECIL  
(PRK) PARLIMEN P.187 KINABATANGAN DAN PRK DEWAN  
UNDANGAN N.58 LAMAG, SABAH  
PADA 20 JANUARI 2026**

1. Hari ini telah berlangsung proses mengundi awal bagi PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah yang **bermula pada jam 8.00 pagi**. Sebanyak **satu (1) pusat pengundian awal** telah dibuka bertempat di **Teratak Ibu Pejabat Polis Daerah Kinabatangan** dan **pusat pengundian ini telah ditutup pada jam 5.00 petang**. Seramai **189 orang anggota polis** layak untuk mengundi awal dalam PRK ini.
2. Sejumlah **93%** atau **176 orang pengundi** yang terdiri daripada anggota polis telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi awal.
3. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.

4. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Polis Diraja Malaysia, petugas media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian, terima kasih.

**DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS**  
**Setiausaha**  
**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**  
20 Januari 2026 / 1 Syaaban 1447H